

10/12/1997

Peniaga Langkawi akur teguran PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DUA minggu sebelum Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima '97), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan ketika Langkawi dikunjungi ramai pelancong.

Peringatan Dr Mahathir itu nampaknya dipatuhi kebanyakan peniaga khususnya peniaga makanan. Saya yang membuat tinjauan mengenai harga makanan dan beberapa barangan lain ketika kesibukan membuat liputan Lima '97 mendapati harganya berpatutan.

Malahan, di sesetengah gerai makanan, harganya agak mengejutkan kerana jauh lebih rendah berbanding musim cuti biasa. Mungkin peringatan oleh Perdana Menteri berkesan atau peniaga bimbang dikenakan tindakan.

Pada hari kedua Lima '97 ketika melancarkan kapal pesiaran dan pengangkut kenderaan Ekspress Superstar, Dr Mahathir sekali lagi menasihati peniaga supaya tidak mengaut keuntungan berlebihan ketika negara menghadapi masalah ekonomi.

Menurutnya, mereka berhutang kepada rakyat dan kerajaan yang memungkinkan mereka memperolehi kekayaan yang dimiliki sekarang. Justeru, hutang itu perlu dibayar semula dengan mengekalkan barang dan perkhidmatan pada yang rendah.

Saya tidak pasti kenapa Dr Mahathir mengulangi kenyataan berkenaan ketika Lima sedang berlangsung. Tetapi, apabila meninjau harga makanan, minuman dan cenderamata dalam kawasan pameran, saya dapati harganya terlalu mahal.

Bayangkan, segelas minuman kordial yang biasanya RM1.20 dijual pada harga RM8, sebotol kecil air mineral RM3 (biasa RM1.50) dan karipap sehingga RM2 seketul.

Kita tidak pasti mengapa harganya terlalu mahal. Mungkin kerana peniaga dikenakan bayaran tinggi menyewa tapak perniagaan.

Namun, bagaimana pula harga cenderamata seperti kemeja T, pen, gelas, payung dan topi yang dikeluarkan dan dijual sendiri oleh anak syarikat milik salah satu syarikat yang diberi hak penganjuran pameran Lima.

Syarikat ini sudah tentu tidak dikenakan bayaran menyewa ruang perniagaan. Kemeja T kanak-kanak yang sama mutunya dengan yang dijual pada harga RM10 dua helai di pekan Kuah, dijual RM18 sehelai dalam kawasan pameran. T-Shirt dewasa pula RM69 manakala topi sehingga RM25.

Berdasarkan situasi berkenaan, saya membuat rumusan bahawa peniaga Langkawi nampaknya peka terhadap nasihat kerajaan, tetapi ada pihak lain yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan walaupun mereka sebenarnya berhutang kepada rakyat dan negara.

(END)